

## **SOALAN LAZIM PROGRAM SKIM PERANTISAN NASIONAL (SPN)**

### **1. Apakah Program Skim Perantisan Nasional (SPN)?**

Program Skim Perantisan Nasional merupakan program tawaran baharu Kolaborasi Rentas Kementerian bagi memberi pengalaman bekerja melalui jaminan pekerjaan oleh syarikat/organisasi yang terlibat dan membantu melonjakkan kebolehpasaran belia pasca COVID-19. Objektif program ini adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan sistem sokongan dengan memberi pengalaman pekerjaan kepada belia.
- ii. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran belia dalam dunia pekerjaan sebenar melalui latihan soft-skills dan on-the-job-training.
- iii. Membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia.

### **2. Siapakah yang layak untuk memohon program SPN ini?**

Belia warganegara Malaysia secara umumnya adalah layak untuk memohon dan menyertai SPN ini dengan syarat-syarat berikut:

- i. Berumur tidak melebihi 35 tahun.
- ii. Memiliki SPM/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda atau Sijil Kemahiran yang diiktiraf kerajaan dari institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara atau kelayakan lain yang setaraf dengannya.
- iii. Boleh berkomunikasi dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik
- iv. Tiada rekod jenayah.
- v. Tidak bankrap
- vi. Bersetuju mengikuti program sepenuh masa

### **3. Bagaimakah cara untuk membuat permohonan ini?**

Pemohon perlu mengisi borang permohonan secara atas talian dengan melayari melalui *single landing page* e-Belia di <https://ebelia.iyres.gov.my>. Borang yang lengkap diisi perlu disertakan dengan gambar dan *resume* pemohon.

### **4. Setelah mengisi borang tersebut berapa lama saya perlu menunggu jawapan daripada pihak Urus Setia SPN?**

Pihak Urus Setia SPN akan menghubungi pemohon melalui emel **dalam tempoh 14 hari** selepas tarikh permohonan. Pemohon yang berjaya akan dipanggil untuk menghadiri temuduga.

**5. Bilakah program ini bermula dan berapa lama tempoh penempatan perantis di syarikat yang terlibat?**

Program ini akan bermula pada bulan Ogos 2020 dan tempoh penempatan sebagai perantis adalah di antara tiga hingga enam bulan.

**6. Apakah manfaat yang saya peroleh apabila menyertai program ini?**

Manfaat yang diperoleh oleh perantis adalah seperti berikut:

- i. Perantis berpeluang untuk menimba pengalaman dan mempraktikkan pengetahuan yang dipelajari dalam realiti pekerjaan sebenar.
- ii. Meningkatkan potensi diri dan memperoleh kemahiran yang diperlukan melalui pemantauan dan tunjuk ajar tenaga kerja berpengalaman.
- iii. Membantu menangani kesukaran belia mencari dan mendapat pekerjaan.
- iv. Mewujudkan peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran.
- v. Program SPN bertindak sebagai penampang dalam usaha merancakkan semula ekonomi pasca Covid-19.

**7. Adakah saya dijamin akan mendapat pekerjaan apabila menyertai program ini?**

SPN dilaksanakan berdasarkan konsep jaminan pekerjaan atau *place-and-train*. Setiap perantis yang layak secara prinsipnya telah mendapat jaminan pekerjaan dengan syarikat/organisasi yang akan ditempatkan kelak. Walau bagaimanapun, perantis hendaklah sentiasa mempamerkan prestasi terbaik sepanjang masa melalui peluang pengalaman pekerjaan ini dan sekiranya prestasi berada di bawah tahap memuaskan, peluang ini boleh ditarik balik.

**8. Adakah program SPN memperuntukkan elaun bagi peserta perantis?**

Elaun yang disediakan adalah berbeza bagi setiap syarikat/organisasi. Walau bagaimanapun, Sekretariat SPN mencadangkan elaun sekitar RM800 hingga RM2,000 dapat diberikan kepada perantis, bergantung kepada kelulusan akademik.

**9. Adakah penginapan disediakan bagi perantis yang tinggal di luar kawasan di sepanjang tempoh penempatan?**

Penginapan tidak disediakan kepada perantis melainkan syarikat/ agensi ada menyediakan penginapan.

**10. Saya berumur 34 tahun dan telah kehilangan pekerjaan. Bolehkah saya memohon program ini?**

Layak untuk memohon seperti mana maklumat di Soalan 2.

**11. Sekiranya dalam tempoh penempatan, saya ditawarkan pekerjaan lain. Bolehkah saya berhenti daripada program ini?**

Sekiranya perantis mendapat tawaran bekerja di syarikat/organisasi lain, perantis hendaklah memaklumkan dan berbincang dengan syarikat/organisasi yang telah ditempatkan di bawah SPN ini.

**12. Saya baru sahaja menamatkan pengajian tetapi belum memperoleh ijazah. Bolehkah saya memohon program ini?**

Pemohon hanya boleh memohon sekiranya surat pengesahan status graduan diperoleh dari senat universiti. Walau bagaimanapun, pemohon boleh memohon di bawah kelulusan SPM/ Diploma/ Sijil Kemahiran.

**13. Organisasi manakah yang akan menyelaras Program SPN ini?**

Program SPN merupakan inisiatif Kerajaan untuk para belia yang diselaraskan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kerja Raya. Kerjasama ini akan sentiasa ditambah dari semasa ke semasa.

**14. Bagaimana saya hendak menghubungi Sekretariat sekiranya terdapat sebarang persoalan?**

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Sekretariat SPN melalui maklumat berikut:

**Sekretariat Skim Perantisan Nasional (SPN)  
Kementerian Belia dan Sukan  
Aras 11, Menara KBS  
No 27 Persiaran Perdana  
Presint 4  
62570 Putrajaya**

**03-8871 3265  
03-8871 3273**

**spn@kbs.gov.my  
suraya@kbs.gov.my  
farasyiladiana@kbs.gov.my**